

SIRI PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN UTUSAN

# PEMBANGUNAN MODAL INSAN

misi **2057**

BERTERASKAN ISLAM  
DAN KONVENSIONAL

MUSTAFA DAKIAN

PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



PEMBANGUNAN  
MODAL INSAN

---

misi 2057

---

BERTERASKAN ISLAM  
DAN KONVENSIONAL



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PEMBANGUNAN  
MODAL INSAN

---

2057

---

BERTERASKAN ISLAM  
DAN KONVENSIONAL

PUSTAKA PERDANA



1008565

MUSTAFA DAKIAN



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

**Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd**  
**No. 1 & 3, Jalan 3 91A**  
**Taman Shamelin Perkasa Cheras**  
**56100 Kuala Lumpur**  
**Tel. 03-92856577**  
**Fax: 03-92846554/92875763**  
**e-mel. enquiry@upnd.com.my**  
**laman web www.mybooks.com.my**

**Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd**  
**Terbitan Pertama 2009**

**Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu**

**Perpustakaan Negara Malaysia**

**Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan**

**Mustafa Dakian**

**Pembangunan modal insan. misi 2057 berteraskan Islam dan konvensional Mustafa Dakian.**

**ISBN 978-967-61 2198-1**

**1. Human capital. 2. Human capital-Management.**

**I. Judul.**

**658.3**

**Dicetak oleh**  
**VIVAR PRINTING SDN BHD**  
**Lot 25, Rawang Integrated Park**  
**48000 Rawang**  
**Selangor Darul Ehsan**

**6883**  
**MUS**



**PERDANA**  
**LEADERSHIP**  
**FOUNDATION**  
**YAYASAN**  
**KEPIMPINAN**  
**PERDANA**

# PRAKATA

Sesungguhnya buku ini mempunyai kekuatan tersendiri dengan tujuan memperkenalkan dan mengupas setiap elemen dalam pembangunan modal insan. Kandungan buku ini mampu memberikan input-input dalam pengurusan modal insan untuk mencapai Wawasan 2057 menerusi pendekatan menyeluruh. Dalam hal ini, Malaysia perlu memperoleh, menjana, membangun, mengembleng, mengurus dan melahirkan modal insan yang berkualiti menerusi Falsafah Pendidikan Negara dan Pendekatan Islam Hadhari. Keseimbangan adunan ini akan melahirkan modal insan yang dinamik, seimbang dan berkualiti menerusi sistem pendidikan sedia ada, pendekatan SPIES dan formula MINJAROES. Keperluan tenaga manusia yang berkualiti amat penting untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi Negara dalam era K-Ekonomi. Pelan induk K-Ekonomi telah menggariskan pilihan strategik dalam pelbagai sektor utama untuk mengubah ekonomi Malaysia daripada ekonomi berasaskan pengeluaran kepada ekonomi berasaskan pengetahuan.

Sebenarnya, bagi menyempurnakan buku ini, saya amat terhutang budi kepada pihak editor, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd (Saudara Mahadzir Adun) dan Men-

tor saya (Dr. Haji Ahmad Roslan Bin Johari) kerana banyak memberi tunjuk ajar dan dorongan dalam menyempurnakan buku ini. Saya juga merakamkan sekalung kasih dan sayang kepada isteri tersayang, Zuraidah Bte Abdul Rahman@Radzi, putera dan puteri kasih tercinta, Luqman Anwar, Lailatul Insyirah, Nur Husna Fatimah dan Muhammad Imran Adha Bin Mustafa. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan di Jabatan Ekonomi dan Perniagaan, Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Bahagian Penerbitan di JAKIM, IKIM dan KPTM kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk berkarya. Juga tidak ketinggalan, kasih dan sayang kepada ayahanda (Dakian Bin Ramin) dan bonda (Mariam Bte Haji Muslim), saudara-mara dan kenalan yang telah banyak memberikan perangsang, bantuan dan sokongan untuk saya menyiapkan buku ini. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada pengarang buku, penulis makalah, pembentang kertas kerja, jurnal dan terbitan umum yang saya gunakan sebagai rujukan utama dalam menyempurnakan buku ini.

Sesungguhnya, syukur saya ke Hadrat Allah SWT dan Junjungan Nabi Muhammad SAW yang memberikan kekuatan, bakat, keistimewaan, pengetahuan dan motivasi kepada saya untuk menyempurnakan penulisan buku ini. Harapan saya agar masyarakat, para pendidik, ahli politik dan pemimpin masyarakat akan mendapat pengetahuan dan maklumat yang berguna selain sebagai rujukan ilmiah. Sesungguhnya, yang baik itu adalah kurniaan Maha Penciptanya, manakala kekurangan itu adalah lahir daripada kekurangan makhluknya.

Sekian, salam sejahtera.

**Mustafa Bin Dakian**  
**Bandar Baru Bangi, Selangor**

# PENGENALAN

Pembangunan sumber manusia yang dikenali juga sebagai modal insan (*human capital*) antara agenda yang akan diberi penekanan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Pelaburan dalam modal insan diberi penekanan lebih besar sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi meningkatkan daya tahan dan pertumbuhan ekonomi serta membentuk masyarakat yang memiliki sistem nilai yang boleh diteladani. Menurut laporan Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Dewan Rakyat terdahulu, matlamat itu akan dicapai melalui kerjasama antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat. Dalam RMK-9, tumpuan yang lebih besar akan diberi kepada usaha membangunkan modal insan yang holistik, lengkap dengan pengetahuan dan kemahiran serta mempunyai nilai moral dan etika yang utuh. Bagi tujuan itu, penambahbaikan secara komprehensif sistem penyampaian pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat akan terus dilaksanakan di samping penekanan terhadap pembangunan kemahiran usahawan bagi semua peringkat pendidikan dan latihan untuk membantu mewujudkan masyarakat usahawan.

Kemampuan Malaysia melepasi tahap penting dalam Indeks Pembangunan Insan (HDI) sehingga dikategorikan sebagai negara pembangunan insan yang tinggi amat membanggakan. Ini mencerminkan dedikasi kuat dan bertenusan kerajaan dalam membangunkan perkhidmatan penjagaan kesihatan, penyediaan kemudahan dan infrastruktur serta komited terhadap pendidikan, latihan dan pembangunan modal insan. Dengan pencapaian itu, Malaysia yang berada di tempat ke-61 dalam kalangan 177 negara dikaji, diletakkan dalam kedudukan sebaris dengan negara maju berkaitan pembangunan modal insan. Malah, kejayaan itu adalah yang pertama sejak pelancaran HDI oleh Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) pada 1990. Kita bersetuju dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa pencapaian itu amat bermakna dalam usaha Malaysia mencapai status negara maju menjelang 2020 dan Misi 2057.

Kita percaya usaha kerajaan membangunkan modal insan berada pada landasan yang tepat bukan saja untuk mencapai status negara maju, malah membasmi kemiskinan serta merapatkan jurang perbezaan antara kaum. Kesan paling ketara daripada usaha pembangunan modal insan ialah dalam mengurangkan kemiskinan apabila kadarnya dapat dikurangkan daripada lebih 50 peratus pada 1970 kepada 5.7 peratus tahun lalu. Kita yakin semua pihak memberi perhatian kepada usaha ini, sasaran menurunkan kadar kemiskinan kepada kurang tiga peratus menjelang 2010 tidak sukar dicapai. Hasrat kerajaan mengurangkan kadar kemiskinan perlu diperjuangkan seperti yang diuar-uarkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), dengan matlamat tiada golongan miskin tegar selepas 2010. Untuk itu, ia memerlukan kerjasama semua pihak termasuk penyelidik dan ahli akademik institusi pengajian tinggi (IPT). Lebih banyak kajian perlu dijalankan